

30 AUG 2001

MAHATHIR-TIMUR

M'SIA MASIH AMAL DASAR PANDANG KE TIMUR

PETALING JAYA, 30 Ogos (Bernama) -- Malaysia masih mengamalkan dasar Pandang Ke Timurnya daripada segi ia membolehkan negara mengelak daripada mengulangi kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh Jepun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Apa yang kita nampak apabila kita memandang ke timur hari ini? Jepun mengajar kita apa yang kita tidak harus lakukan," katanya pada forum tengah hari yang dianjurkan oleh Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, di sini.

Pada asalnya, dasar Pandang Ke Timur kelihatan seperti satu dasar yang baik kerana ia membolehkan Malaysia membangunkan ekonominya dengan menggunakan model Jepun, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata: "Sememangnya hari ini keadaan di Jepun tidak begitu baik kerana ia (juga) mengambil keputusan untuk memandang ke Timur: apabila ia pandang ke Timur, ia nampak Amerika Syarikat. Sekarang, Jepun sedang mencuba dengan serius untuk mencipta semula dirinya sendiri dan cuba menghasilkan jenis struktur yang tidak sesuai dengan budayanya."

"Hari ini, bila kita pandang ke Jepun, kita nampak Jepun dalam keadaan tidak menentu, tidak berdaya menyaingi perubahan yang sama sekali asing bagi budaya negara itu. Jadi, kita tidak harus melakukan apa yang dilakukan oleh Jepun," tambahnya.

Contohnya, rakyat Jepun yang telah biasa dengan sistem bekerja sepanjang hayat tidak lagi menikmati keistimewaan itu dan kesannya agak teruk ke atas rakyat Jepun yang menganggur berbanding rakan-rakan mereka di Amerika Syarikat yang boleh bersenang lenang bergantung kepada faedah-faedah pengangguran mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata: "Pergilah ke Jepun hari ini, kita akan nampak rakyat Jepun yang menganggur tinggal dalam khemah plastik di bandar-bandar. Sebabnya ialah dalam budaya mereka adalah memalukan jika seseorang yang menganggur pulang ke rumah dan memberitahu keluarganya: "Saya tidak lagi bekerja".

Dr Mahathir juga memberi pandangannya mengenai arah masa depan orde ekonomi dunia apabila diminta mengulas mengenai isu itu pada majlis tersebut.

Dr Mahathir berkata: "Saya bimbang bahawa kita akan terus melakukan kesilapan sehinggalah ia menenggelami kita. Pada masa ini ia tidak menjejaskan semua orang. Ia menjejaskan sesetengah orang, seperti Malaysia, Indonesia, Thailand dan banyak lagi negara-negara membangun."

"Sesetengah negara kaya tidak banyak terjejas, tidak lama lagi, mereka akan dapati bahawa mereka terjejas teruk dan barulah mereka sedar mereka perlu semak idea mereka," tambahnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata penyokong-penyokong kapitalisme telah menghasilkan pelbagai idea untuk menjadikan dunia lebih cekap dan lebih berupaya menghasilkan keuntungan bagi mereka.

Katanya: "Hari ini, mereka memilih idea seperti globalisasi, deregulasi, dunia tanpa sempadan dan pelbagai idea lain, yang mereka fikir dunia mesti terima tanpa persoalan kerana idea itu bagus untuk dunia, kerana modal akan menyelesaikan semua masalah dunia dengan menjadikan semua orang makmur."

Kemudian mereka (kapitalis) bercita-cita besar dan mereka tidak peduli tentang apa yang terjadi kepada orang lain kerana mereka hanya fikirkan jumlah wang yang akan mereka kaut untuk diri sendiri, kata Dr Mahathir.

"Inilah yang terjadi semasa kita mengalami krisis matawang dahulu: Ada

orang mendapat idea untuk memperdagangkan matawang - satu kegiatan yang tiada nilai hakiki," tambahnya.

Pedagang-pedagang matawang ini memusnahkan kekayaan bernilai berbilion dolar...dan banyak syarikat jatuh muflis, ramai orang kehilangan pekerjaan dan dibebani hutang yang sangat besar, tegasnya.

Dr Mahathir menambah kata bahawa dalam kes Malaysia, kerugian permodalan pasaran berjumlah AS\$250 bilion (AS\$1 = RM3.80) kerana pasaran saham Malaysia adalah yang terbesar di Asia Tenggara.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir: "Mereka masih tidak mahu menyemak sistem kewangan antarabangsa kerana ia baik bagi mereka." -- BERNAMA

MK SEL KY ZK